

KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

ANASIR-ANASIR BAHARU HENDAK MENGHAPUSKAN PENGAJARAN AGAMA ISLAM ?

Ya 'ayyuhalladhina amanu, in tuti'u alladhina kafaru yaruddukum 'ala a'qabikum pa tanqalabu khasirin


Adakah kejadian-kejadian yang berlaku pada bulan Disember dahulu di Singapura ini membawa suatu perasaan baharu kepada sebahagian pentadbir-pentadbir kerajaan dan orang-orang lain terhadap kepada tiap-tiap gerak Islam? – Yang demikian itu ialah suatu pertanyaan yang saya terbitkan di sini ialah setelah melihat riak-riaknya ada nampaknya langkah-langkah, sama ada tepat itu tidak, yang ditujukan boleh jadi sama ada dengan niat yang tersembunyi atau disambil-sambilkan dengan mengikut kemahuan sendiri, supaya apa jua yang berbau dengan pengajaran agama dihalang-halangi atau dicari jalan supaya belia-belia yang bakal menjadi ganti kedudukan-kedudukan masa akan datang itu tidak lagi bersemangat dengan semangat Islam. Apakah keterangan-keterangannya di dalam perkara ini? –Perhatikan kejadian yang jika benar bolehlah disifatkan ada menunjukkan riak boleh jadi ada cita-cita timbul dijelaskan berselindung dengan kuasa-kuasa yang ada kepada pemegang-pemegang sesuatu bahagian yang berkenaan dengan pelajaran.

(Oleh Ahmad Lutfi)

LAGI MASALAH SEKOLAH AGAMA JOHOR

Dua tiga waris-waris penuntut-penuntut Melayu di kolej Johor baharu telah datang menyatakan kepada saya kononya guru besar kolej itu telah menyatakan kepada mereka bahawa murid yang di bawah tanggungan telah menyatakan yang mereka telah diberi amaran. Dengan mulut, sesiapa jangan mengambil bahagian belajar agama di sekolah petang oleh kerana kesuntukan masa atau ketiadaan masa bagi murid-murid itu menyelenggarakan kehendak kolej dan sekiranya mereka itu enggan maka disuruh pilih di antara dua iaitu tetap dikolej dengan meninggalkan sekolah agama atau belajar agama dengan meninggalkan kolej. Demikianlah kenyataan yang diberi kepada saya dan jika benar kenyataan ini maka sudah tentu di dalamnya terletak suatu tujuan bahawa cita-cita ada suatu hendak menjauhkan orang-orang

Melayu yang beragama Islam turun temurun itu daripada mencenderungkan dirinya kepada pelajaran-pelajaran agama. Ada pun yang satu lagi ialah perkara yang bersabit dengan Sekolah agama di Johor yang telah saya tulis di dalam majalah Qalam bilangan 8 iaitu fikiran Tuan MacKenzie seorang ahli mesyuarat yang bukan rasmi di dalam majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di dalam persidangan pada 30 Mei



13 murid-murid yang tertera gambarnya di sini ialah murid-murid yang lulus di dalam darjah enam

Sekolah Agama Tambatan Tinggi Johor Baharu dengan markah seratus peratus.

12 orang daripadanya ialah murid-murid yang pada sebelah paginya belajar Inggeris.

JAM TANGAN!!!

JAM TANGAN!!!

Kita ialah wakil tunggal bagi berjenis-jenis jam yang tersebut di bawah ini :-

BULOVA
LADO
SONI
PRECISA
SOTO
ENSO
TEXA

TEBAN
TATA
MONDIA
RISTA
DRIVA SUPER
RECORD SUPER
PREXA SUPER

Segala pertanyaan kerana harga borongan dari seluruh Malaya.

Timur jauh termasuk negara Indonesia akan diselenggarakan.

E. NASSIM & SONS.
381, NORTH BRIDGE ROAD, SINGAPORE.


Saudagar berjenis-jenis jam lebih daripada 40 tahun.

Yang lalu telah memberi suatu ucapan, jika tidak menyinggung, tentulah menyentuh kepada perassan rakyat Johor yang kasihkan agamanya di dalam cita-cita menyatukan "Sekolah Agama dipersatukan atau dijadikan satu dengan sekolah-sekolah Melayu sampai dapatlah lanjut dan luas masa bagi memberi pelajaran di dalam sekolah-sekolah itu.

Tuan MacKenzie berkata bahawa keadaan dan peraturan pelajaran yang bercara dua cabang sekarang ini telah memberi kesan kepada dua jalan - Pertama ke universiti, kedua ke Mekah dan "Sekiranya kedua-dua sekolah yang tersebut itu disatukan tidakkah Johor memperoleh universiti dan juga Mekah?": dan yang sangat merunsingkan ialah "Tatkala bangsa-bangsa lain sedang belajar mencari jalan atau kaedah hendak hidup boleh dikatakan sebahagian besar daripada jalan atau peraturan memberi pelajaran yang waras di sisi orang-orang Melayu itu sudah hapus, kerana mereka itu semata-mata diajar kaedah bagaimana hendak mati." Sekianlah sebahagian daripada kenyataan Tuan MacKenzie.

Dengan apa-apa yang tersebut diatas ini terang dua aliran sedang dihadapi oleh orang-orang yang kasihkan agama atau dengan lebih terangnya oleh Jabatan Agama Johor sekiranya Jabatan Agama Johor itu mashul didalam agamanya. Jabatan Agama Johor mesti menetapkan bahawa hak agama tidak boleh dicampuri oleh Jabatan Pelajaran atau dengan lebih-lebih terangnya oleh pentadbir-pentadbir British sama ada dengan cara memujuk atau berterang-terang kerana yang demikian ini melanggar perjanjian-perjanjian "Tidak mencampuri hal ehwal agama orang-orang Melayu." Jabatan Agama Johor hendaklah mendirikan hak-hak agama itu supaya jangan diceroboh orang.

Daripada perkara yang pertama zahir, jika benar kenyataan itu, tentu ada anasir-anasir yang berdiri bagi menghalangi pelajaran-pelajaran agama atau semangat-semangat agama di dalam negeri-negeri orang Melayu yang menjadikan agama Islam itu ialah agamanya yang memberi pelajaran bahawa tiap-tiap seseorang dizahirkan ke dunia itu bebas merdeka di dalam sepenuh-penuh maknanya iaitu ia tidak tertakluk sama ada fikiran atau dirinya selain



Murid-murid perempuan Sekolah Agama Bandar Tinggi Batu Pahat, Johor. Sekiranya sekolah agama yang serupa ini digalakkan dan dikurangkan hak-haknya atau dikurangkan masanya maka betapakah halnya orang-orang Melayu dengan agamanya? Menyambilkkan pelajaran agama di sekolah Melayu atau di sekolah Inggeris itu adalah dipandang sebagai suatu langkah menjauhkan pengertian orang-orang Melayu kepada agamanya.

* * * * *

Daripada bertakwa dan berkhidmat kepada Allah, dan kepada mereka diajarkan tidak ada sesuatu yang ditakutkannya melainkan Allah dan dengan kebebasan dan pelajaran yang demikian itulah bahawa mereka itu yakin walaupun dari satu ke suatu masa mereka itu ditindih, dihimpit dan dianiaya maka semuanya itu akan terlepas dengan pertolongan Allah.

Anasir-anasir ini zahir kepada saya bertujuan kepada suatu cita-cita untuk meruntuhkan pelajaran-pelajaran agama yang benar dan harus mereka mengetahui bahawa tidak ada sesuatu pentadbiran yang sanggup bertentangan dengan orang-orang yang berfaham dengan faham agama yang sebenar dan sebab itulah, jika benar tekaan saya, anasir-anasir ini telah beberapa lama dari dahulu lagi mencari jalan memecah belahkan umat Islam supaya jangan bersatu dan supaya jangan menjadi satu dan cara memecah belahkan mereka itu pada masa yang lalu ialah dengan menghidupkan dan mengalakkan khurafat-khurafat kepada mereka itu dan mengalakkan di dalam pertadbiran supaya jika ada orang yang berkata besar di dalam perkara agama maka orang-orang yang mengajar itu disuruh atau dituduh memberi pelajaran-pelajaran yang palsu dan untuk itu beberapa lamanya Jabatan-Jabatan Agama itu digunakan bagi menghalangi roh dan semangat agama yang benar sehingga di mana ada orang yang mengajar di bawah rumah mereka itu

dihantar oleh Jabatan Agama “mata-mata gelapnya” sedang taslim dan qadiani itu merebak tidak berapa dipedulikan sangat.

Tetapi cara ini masa sekarang telah hapus. Saya yakin bila-bila yang sedang bangkit sekarang yang di dalam jiwanya telah ada hidup daripada titisan bibit Islam datuk neneknya telah menyedari bagaimana harapan-harapan yang dianjurkan oleh penjajahan-penjajahan beberapa lamanya itu supaya mudah menjajah telah disedari mereka bahawa yang demikian itu bukan pengajaran Islam kerana pengajaran Islam itu bersatu, persamaan, bebas dan muhibah dan mereka itu dikehendaki supaya berusaha “menjadi khalifah di bumi Allah” untuk memerintah di bumi ini, supaya hidup dengan kebudayaan yang tinggi, supaya hidup dengan pengetahuan yang tinggi, supaya hidup berkemuliaan berilmu dan berkuasa bukannya sebagaimana kata Tuan MacKenzie mereka itu semata-mata diajar kaedah bagaimana hendak mati.

Dengan apa yang tersebut di atas ini saya rasa terjawab sudah pendapat Tuan MacKenzie itu yang menyangka bahawa tujuan-tujuan agama itu menanamkan roh hendak mati sahaja dan pelajaran-pelajaran agama ini tidak ada mempunyai pertadbiran atau mempunyai siasah yang sempurna. Yang demikian itu salah sekali-kali, yang sepatutnya, sebagai is ahli mesyuarat yang tertua

di Johor sebelum bercakap dalam masalah yang menyentuh agama hendaklah bertanya kepada ahli-ahli supaya jangan menyentuh perasaan agama sekali lagi dan supaya jangan timbul perasaan-perasaan anak negeri menyangka bahawa kerajaan British yang adil itu mengacau agama dengan kerana keceluparan pegawai-pegawai Duli Yang Maha Mulia Baginda King. Saya yakin Duli Yang Maha Mulia Baginda King tidak redha jikalau kakitangan baginda mencampuri agama orang-orang Melayu.

Di dalam keadaan masa darurat dengan sebab pengaruh-pengaruh komunis itu jika pentadbir-pentadbir mahu insaf hendaklah mereka mengetahui bahawa suatu jalan yang utama bagi menjauhkan orang-orang Melayu didapati cenderung dan dipengaruhi oleh komunis ialah (1) hati mereka jangan disakiti dan (2) agama mereka dipinggir dan digalakkan supaya mereka pulang beragama salah benar langkah-langkah mengecilkan agama mereka kerana yang demikian ini akan menjadi racun bahawa

SELAMAT HARI RAYA WAKTU

Majalah berita mingguan berkisar yang utama

di Indonesia dan Malaya.

Di dikeluarkan oleh badan penerbitan

dan percetakan "Waktu".

44, Pusat Pasar, Medan.

Harga langganan buat seluruh Malaya dan Borneo Utara

Satu naskhah termasuk belanja pos 60 sen

Langganan tiga bulan (12 naskhah) 60 sen sahaja

Pembahagi tunggal (wakil) di Malaya dan Borneo Utara.

MIBS.

Penerbit dan pusat pembahagi buku-buku

seluruh Malaya dan Indonesia.

116, ARAB STREET, SINGAPORE 7.

TEL: 85707

"Naungan Duli Yang Maha Mulia Baginda King di Tanah Melayu ini ditujukan hendak menghapuskan agama orang-orang Melayu"

Padahal yang demikian itu tidak sekali-kali.

Janganlah kiranya dengan kerana pepijat kelabu dibakar, dengan kerana melihat semangat-semangat yang terbiak daripada kejadian bulan Disember itu yang dilakukan oleh "anak-anak" itu disangka ialah begitulah pengajaran Islam tetapi Islam tidak pernah menyuruh pengikut-pengikutnya menggunakan kekerasan selagi ada jalan untuk berdamai, selagi ada daya upaya dan rundingan masih terbuka. Dengan sebab itu janganlah kiranya menyangka bahawa agama Islam itu agama kekerasan dan agama kecerobohan dan yang demikian janganlah hendaknya ditakuti dengan adanya agama Islam itu nanti tidak ada kerjasama pihak pentadbiran dengan pemeluk-pemeluknya. Fitnah bahwasanya dengan meninggikan pelajaran orang-orang Melayu dengan agama Islam itu akan memesrakan lagi perhubungannya dengan pihak pentadbiran dan salah benar kiranya mereka itu memandang pengajaran Islam itu sebagai momok yang bakal meruntuhkan pentadbiran itu adanya.

Ucapan selamat hari raya kepada kaum-kaum Islam daripada :-

M. B. MOHAMED JAMIL

NO. 108. PEKAN KUPANG.

BALING, KEDAH.

Menjual bermacam-macam jenis kain-kain pelikat, sutera,

cita dan pinggan mangkuk, serta kasut-kasut bermacam

fesyen buatan England. Wakil penjual buku-buku

cerita dan majalah serta kitab-kitab Arab dan Melayu.

GAMBAR KULIT

Gambar yang menghiasi kulit kita keluaran ini ialah gambar Masjid Bayezid di Istanbul yang sekarang sedang menderu-deru suara adanya di atas sesudah umat Turki berbalik semula kepada Islam.